



30 Disember 2011  
30 December 2011  
P.U. (A) 433

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PEMULIHARAAN HIDUPAN  
LIAR (PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2011

*WILDLIFE CONSERVATION  
(COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2011*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR 2010

PERATURAN-PERATURAN PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR  
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2011

---

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Kesalahan boleh kompaun
3. Tawaran dan penyetujuteraan kompaun
4. Penyampaian Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan
5. Pembayaran kompaun

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR 2010  
PERATURAN-PERATURAN PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR  
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 132(2)(h) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pengkompunan Kesalahan) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 2 Januari 2012.

**Kesalahan boleh kompaun**

2. Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

**Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun**

3. (1) Tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah dibuat oleh Ketua Pengarah dalam Borang 1 Jadual Kedua.

(2) Seseorang yang menyetuju terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah mengemukakan bayaran bagi kompaun dalam Borang 2 Jadual Kedua.

**Penyampaian Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan**

4. (1) Ketua Pengarah boleh menyampaikan Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dalam Borang 1 Jadual Kedua kepada orang itu melalui cara seperti yang berikut:

(a) penyampaian ke diri;

- (b) Resit Akuan Terima (A.R.) Pos Berdaftar kepada alamat terakhir yang diketahui; atau
- (c) dengan menampal Notis itu di tempat yang mudah dilihat di mana-mana premis.

(2) Jika Ketua Pengarah mendapati bahawa adalah tidak praktikal untuk melaksanakan penyampaian Notis itu melalui cara sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh menyampaikan Notis itu melalui apa-apa cara yang difikirkannya patut.

(3) Penyampaian Notis di bawah perenggan 1(b), (c) dan subperaturan (2) ini hendaklah disifatkan sebagai serahan ke atas orang itu.

### **Pembayaran kompaun**

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan telah dibuat dan diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membuat bayaran melalui kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank kepada Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” atau melalui apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pembayaran hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar ke alamat yang dinyatakan dalam Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

(3) Suatu resit hendaklah dikeluarkan bagi tiap-tiap bayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

JADUAL PERTAMA  
[Peraturan 2]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] yang boleh dikompaun adalah seperti yang berikut:

- (a) subseksyen 17(1);
- (b) subseksyen 21(1);
- (c) subseksyen 22(1);
- (d) subseksyen 36(1);
- (e) subseksyen 37(1);
- (f) subseksyen 38(1);
- (g) subseksyen 39(1);
- (h) subseksyen 44(1);
- (i) subseksyen 51(2);
- (j) seksyen 53;
- (k) seksyen 54;
- (l) seksyen 55; dan
- (m) seksyen 125.